

NO. SOALAN: 104

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI
SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

RUJUKAN : 7650

SOALAN:

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tahanan wanita terkini di penjara serta langkah-langkah yang dilakukan Kementerian dalam membantu mereka untuk diterima kembali oleh masyarakat.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara pada 23 Februari 2015 menunjukkan jumlah banduan wanita yang berada di dalam penjara adalah seramai 3,547 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,216 orang adalah warganegara Malaysia manakala 2,331 orang adalah warganegara asing.

Demi kepentingan pemulihan dan asimilasi semula ke dalam masyarakat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan pelbagai program latihan kemahiran dan pemulihan untuk banduan wanita sama ada di dalam mahupun di luar penjara. Banduan wanita sepertimana banduan lelaki diberikan program pemulihan seperti berikut:

- i. Semua banduan wanita perlu mengikuti program pemulihan khas Jabatan Penjara iaitu Program Pembangunan Insan yang melibatkan pembentukan disiplin, pengukuhan sahsiah, kemahiran dan pemasyarakatan. Pengisian dalam program tersebut turut melibatkan kaunseling, motivasi, keagamaan, akademik, dan latihan kemahiran;
- ii. Dalam bidang kemahiran, banduan wanita menjalani pelbagai latihan kemahiran seperti jahitan, pembuatan makanan dan kuih, kraf tangan, andaman dan kecantikan

yang dipersijilkan melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Mereka turut dilatih untuk mengeluarkan produk secara besar-besar;

- iii. **Banduan wanita yang berkemahiran boleh dipertimbangkan bantuan modal dari TEKUN bagi memulakan usaha sendiri setelah dibebaskan;**
- iv. **Banduan wanita juga boleh dilepaskan secara Perintah Parol bagi memastikan asimilasi dan adaptasi yang lebih sempurna berlaku bersama keluarga dan masyarakat. Sistem Parol membolehkan Jabatan Penjara meneruskan program pemulihan untuk mereka di dalam serta bersama masyarakat yang didapati amat berkesan;**
- v. **Banduan wanita boleh dipertimbang untuk dibebaskan secara sementara dalam tempoh tertentu melalui Pembebasan Berlesen. Pembebasan tersebut membolehkan banduan membuat persiapan sebelum tiba tarikh pembebasan sebenar.**
- vi. **Pelaksanaan program yang melibatkan penyertaan keluarga turut diadakan untuk banduan wanita. Berasaskan penilaian, Jabatan Penjara mendapati hubungan kekeluargaan yang kukuh merupakan sokongan yang penting kepada usaha pemulihan dan pembangunan diri banduan wanita berkenaan;**

- vii. Tidak ketinggalan, banduan wanita yang berminat turut diberikan kemudahan mengikuti pelajaran akademik sehingga ke peringkat pengajian tinggi.**

- viii. Seterusnya majikan yang ingin menyediakan peluang pekerjaan dalam bidang tertentu yang mana banduan wanita berkenaan dilatih adalah digalakkan hadir untuk menemuduga banduan wanita yang berminat.**